

27/11/2000

Asean kini lebih yakin hadapi globalisasi

Jamhariah Jaafar

KESIMPULAN yang dicapai ialah 'kurangkan bercakap, lebihkan tindakan'. Walaupun tiada agenda utama, namun Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Singapura yang berakhir Sabtu lalu meletakkan Asean di pentas lebih mantap dengan tumpuan untuk mengurangkan pelbagai jurang dengan negara anggota yang masih kurang maju.

Jika awalnya sidang kali ini berlangsung dalam keadaan santai, kesudahannya menyaksikan perasaan ingin mengatasi dan mendahului antara rakan anggota, serta keghairahan wartawan mencari kelainan hampir-hampir mencetus satu lagi perang dingin antara Malaysia dan Singapura.

Namun, dengan kematangan dan kesedaran untuk memelihara dan memperkukuh semangat setiakawan yang agak genting selepas krisis ekonomi tidak lama dulu, masing-masing meninggalkan negara Singa dengan perasaan lega tetapi dengan ingatan untuk lebih berhati-hati pada masa depan.

Mesyuarat kali ini menyaksikan Asean melangkah dengan lebih yakin ke arah membentuk satu blok negara yang kukuh dan mantap bagi menghadapi persaingan globalisasi yang dijangka 'menyerang' dengan lebih agresif tidak lama lagi.

Justeru, perjanjian Rangka Kerja E-Asean dan Protokol Mengenai Pelaksanaan Skim CEPT Senarai Pengecualian Sementara, pelancaran Inisiatif Integrasi Asean (IAI) dan cetusan idea untuk menjadikan kerjasama Asean+3 dengan rakan-rakannya, China, Jepun dan Korea Selatan, sebagai sidang rasmi, di samping kajian kemungkinan menubuhkan Zon Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA), adalah kerangka yang diperlukan untuk menggerakkan usaha lebih agresif bagi memulihkan imej Asia Timur sebagai Harimau Asia.

E-Asean yang dirangka untuk mengurangkan jurang digital antara negara anggota, terutama rakan baru seperti Myanmar, Kemboja dan Vietnam, akan turut diperluaskan sehingga menjadi Lingkaran IT (Teknologi Maklumat) Asia, yang akan menghubungkan teknologi yang semakin canggih ini antara ibu kota negara membangun seperti Kuala Lumpur, Singapura, Bangkok, Shanghai, Tokyo dan Seoul.

Hanya untuk merealisasikan impian untuk mewujudkan sebuah rantau yang sama tarafnya dengan Lembah Silikon di Amerika Syarikat, Jepun sanggup mengeluarkan AS\$15 bilion untuk dana kerjasama IT dengan keutamaan kepada negara-negara anggota Asean, manakala China turut mengumumkan ia akan mengeluarkan AS\$5 juta lagi untuk tujuan yang sama.

Dengan negara pengguna IT utama seperti Malaysia dan Singapura dipertanggungjawabkan untuk memastikan jurang digital dengan negara anggota dapat dikurangkan, kerjasama lebih agresif, terutama di kalangan negara yang masih enggan membuka sistem pentadbiran mereka untuk menerima penggunaan IT ini, amat diperlukan.

Negara-negara seperti Myanmar, Kemboja mahupun Vietnam - ada antara mereka mensyaratkan pengguna telefon atau mesin faks memerlukan permit daripada pemerintah - sikap lebih terbuka adalah lebih penting.

Sebarang kebimbangan dan keraguan bahawa kekuatan pemerintahan mereka akan terjejas berikutan ledakan teknologi maklumat, perlu dihapuskan secepat mungkin sekiranya negara terbabit tidak mahu terus menjadi 'beban' kepada perkembangan Asean.

Protokol Mengenai Pelaksanaan Skim CEPT pula adalah penting kerana ia akan memberi peruntukan untuk mana-mana negara yang belum bersedia untuk membuka pasaran mereka membuat penangguhan untuk menurunkan tarif produk kerana ia membabitkan kesan ke atas produk tempatan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, ketika membuat penjelasan berkata protokol ini adalah untuk membolehkan mana-mana anggota Asean yang menghadapi masalah untuk menepati janji menurunkan tarif mana-mana produk untuk berbuat demikian.

"Jadi peruntukan ini bukan hanya untuk Malaysia tetapi disebabkan Malaysia negara pertama meminta penangguhan, jadi kita ada adalah negara pertama yang akan menggunakan peruntukan dalam protokol ini. Kita tidak melakukan protokol ini sewenang-wenangnya. Penangguhan mana-mana produk sudah dibincangkan bersama kerana komitmen Asean terhadap Afta (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) adalah serius," katanya.

Untuk memastikan Asean terus berkembang, cadangan supaya meletakkan sidang Asean+3 menjadi platform rasmi adalah penting bagi membentuk satu blok lebih kukuh bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Idea ini adalah mirip kepada cadangan untuk mengadakan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada awal 1990-an.

Satu kumpulan pengkaji juga akan dibentuk untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA), iaitu kawasan pelaburan yang diharap membuka pasaran keserantauan dengan lebih banyak. Tetapi hampir semua pemimpin Asean menegaskan setiap negara perlu memastikan kejayaan Afta terlebih dulu sebelum meluluskan kehadiran EAFTA.

Perbincangan mengenai Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) ini turut menyelubungi mesyuarat kali ini, berikutan tindakan Singapura menandatangani perjanjian itu dengan beberapa negara Australasia.

Isu itu turut menjadi gamat apabila Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Thong, pada sidang akhbar Sabtu lalu, menjurus kepada kenyataan tidak selari dengan pemimpin Malaysia, serta tindakan Malaysia (berdasarkan laporan agensi berita) yang dikatakan akan menandatangani FTA dengan Jepun.

Penjelasan yang berdasarkan perbualan antara Rafidah dengan wartawan tempatan yang bukan bertujuan untuk dilaporkan, sebaliknya dipetik oleh sebuah agensi berita antarabangsa yang hampir mencetus satu lagi perang dingin dengan Singapura apabila Rafidah dikatakan melabel Goh 'hilang akal' ketika membuat kenyataan itu.

Bagaimanapun, isu itu dileraikan apabila Rafidah menjelaskan keadaan sebenar.

Bercakap mengenai pendirian Singapura yang menyertai FTA, Goh meminta semua pihak menganalisis bahawa kerjasama negara itu dengan rakan-rakan FTA, tidak membawa kelebihan yang begitu besar kerana ia memang mengamalkan kawasan bebas cukai.

Dr Mahathir ketika ditanya soalan yang sama pula berkata, Malaysia ingin melihat dulu kesan FTA ke atas Asean.

"Jika ia bermakna produk yang masuk ke Singapura akan turut memasuki pasaran Asean selepas Afta dan bebas dari cukai, ia sudah tentu tidak dapat diterima. Tetapi sekiranya ia tidak memberi kesan kepada kami, kami tidak kisah," katanya.

Penjelasannya mudah. Sebarang perjanjian FTA yang dilihat boleh membawa kesan kepada Afta tidak patut diadakan kerana seluruh anggota Asean telah berikrar untuk komited terhadap pelaksanaan Afta.

Mungkin jika dilihat dari sudut mana negara itu berdiri, Singapura mungkin berasa sebarang perjanjiannya dengan mana-mana negara tidak akan begitu memberi kesan kepada kerjasama dalam Asean, namun negara yang mempunyai pelbagai produk keluaran sendiri seperti Malaysia perlu mengambil serius sebarang tindakan seumpamanya.

Sikap Singapura, iaitu 'siapa yang boleh berlari pantas, akan berlari laju' memang tidak boleh dinafikan. Bagaimanapun, sebagai anggota sebuah blok yang baru melangkah, Singapura tidak patut melupakan semangat saling

melengkapi sesama rakan.

Bak kata Dr Mahathir, Asean tidak perlu terburu-buru dalam menerima pelbagai idea baru, terutama usaha untuk membuka pasaran mereka kepada dunia luar, sebaliknya perlu mengkaji kesan globalisasi dengan lebih serius.

Perdana Menteri berpendapat krisis ekonomi yang teruk melanda rantau ini perlu dijadikan pengajaran untuk memiliki sebuah blok kumpulan yang kukuh bagi memastikan ia dapat ditangani dengan lebih bijak sekiranya ia berulang.

"Negara-negara Asean tanpa sebarang kumpulan yang mampu untuk mempertahankan kepentingan, adalah lemah. Justeru, adalah penting bagi negara-negara Asia Tenggara bersepakat dalam membincangkan sebarang idea baru seperti globalisasi yang dikatakan baik untuk semua pihak, termasuk negara membangun," katanya.

Walau apapun, kerjasama Asean yang tergugat akibat krisis kewangan kini memasuki satu tahap lebih bermakna.

Pembinaan landasan kereta api Trans-Asia dan jalan raya dari Singapura ke Kunming, China, peningkatan penggunaan jalan laluan laut bagi negara seperti Indonesia, Filipina dan Brunei serta jalan sungai bagi negara daratan seperti Myanmar dan Kemboja, jika dapat direalisasikan, akan merobohkan sempadan negara yang wujud selama ini.

(END)